

info

usahawan

issue
1/21


nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon
musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA







elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Filouz
Hashim, Fatimah Hashim
Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan
Johor, Kampus Segamat, Johor

Menurut laporan CNBC, Elon Musk telah merangkul gelaran manusia terkaya di dunia, mengatasi kekayaan Jeff Bezos, pengasas Amazon, dengan nilai kekayaan sebanyak \$184 bilion. Di dalam ciapan Twitternya, Musk yang sangat 'workaholic' terpegun seketika dengan pencapaian tersebut, diikuti dengan ciapan seterusnya: 'Well, back to work...'

Minat Musk yang mendalam di dalam bidang teknologi dipupuk sejak dari kecil lagi, di mana beliau belajar 'coding' secara sendiri dan kemudiannya berjaya menjual 'source code' permainan video yang dihasilkannya dengan harga \$500 pada usia 12 tahun. Beliau amat sinonim dengan kerja keras dan kurang berminat dengan perkara material. Pendapatan yang diperolehinya disuntik kembali ke dalam perniagaan beliau. Artikel pendek ini merungkai dua perniagaan utama Musk yang berteraskan teknologi yang bakal merevolusi dunia.

SpaceX

Space Exploration Technologies (SpaceX) bernilai \$100 billion di mana Musk merupakan pemegang saham terbesar sebanyak 54%. Bagi Musk, tujuan utama kekayaannya adalah untuk mempercepatkan evolusi manusia ke angkasa lepas. SpaceX mempunyai misi: "to enable humans to become a spacefaring civilization and a multi-planet species by building a self-sustaining city on Mars". Roket yang dibina oleh SpaceX boleh berlepas dan mendarat di pengkalan pelancaran serta digunapakai beberap kali, seterusnya lebih menjimatkan kos. Antara pencapaian SpaceX termasuk:

- Roket Falcon 1 telah dilancarkan pada 2006,
- Pelancaran Falcon 9 pada 2010.
- Super Heavy-Starship mampu mengangkat muatan sebanyak 100,000 kilogram.
- Starship bakal membawa pelancong ke bulan dan Marikh. Kerjasama dengan NASA untuk mengadakan

pelancongan angkasa. Tiket - tiket untuk pelancongan ke bulan juga telah mula dijual.


- Dragon membawa bekalan kepada angkasawan yang berada di stesen angkasa ISS.
- Pelancarkan satelit Starlink yang bakal menawarkan kemudahan internet kepada pelusuk dunia.
- Pembelian dua pelantar minyak di Port of Brownsville, Texas yang akan digunakan untuk pelancaran roket yang lebih besar.
- Penerbangan ke planet Marikh seawal tahun 2026.

Tesla

Tesla membuat senarai awam sebagai sebuah syarikat pada 2010 dengan nilai \$2.2 bilion. Bertempat di kilangnya di California, Tesla mengeluarkan kereta elektrik, panel solar, bateri, serta sumber tenaga bersih, dengan matlamat untuk menghasilkan kenderaan dan tenaga mesra alam untuk jangka masa panjang. Tesla berjaya menjadi pengeluar kereta

elektrik terlaris dunia, mencapai angka pengeluaran sebanyak 1 juta buah pada 2020. Model 3 merupakan model terlaris Tesla, dengan penjualan melebihi 500,000 kereta pada 2008. Kenderaan Tesla menggunakan bateri 'lithium-ion', seperti yang digunakan di dalam laptop, membolehkannya dicas berulang kali menggunakan plag elektrik. Model 3 mampu bergerak sehingga 354 km dengan sekali cas dan boleh mencapai kelajuan 200 km sejam. Rancangan terkini Tesla adalah memasarkan Model Y di China, dengan pembinaan kilangnya di Shanghai, dengan sasaran untuk menghasilkan 500,000 kereta setahun. Tesla menjadi syarikat asing pertama yang mempunyai kilang di China tanpa rakan strategik negara tersebut.

Sebagai kesimpulannya, Elon Musk berjaya mengumpulkan harta kekayaannya disebabkan kelebihanannya dalam dunia teknologi dan menjadi inspirasi kepada yang anak muda yang cenderung kepada teknologi untuk berjaya sepertinya.



Elon Reeve Musk

49 tahun

28 Jun 1971

Pretoria, Afrika Selatan

Ijazah di dalam bidang Ekonomi dan Fizik
dari University Pennsylvania (1991–1997)

Isteri: Talulah Riley, Anak: 7 orang

US\$ 182.8 billion pada (19 Januari 2021)

- Kini - Figura korporat, pereka industri, engineer, pelabur, dermawan.
- 1999 - Pengasas bersama syarikat perisian web Zip2, yang dijual kepada Compaq dengan harga \$307 million.
- 2001 - Pengasas PayPal, yang dijual kepada eBay dengan harga \$1.5 billion.
- 2002 - Pengasas, CEO, CTO, ketua pereka SpaceX.
- 2004 - CEO, arkitek kenderaan elektrik Tesla, Inc.
- 2006 - Pengasas syarikat tenaga solar SolarCity.
- 2015 - Pengasas bersama OpenAI In., syarikat berasaskan 'artificial intelligence' secara 'open source'.
- 2016 - Pengasas bersama Neuralink untuk kegunaan interface computer.
- 2016 - Pengasas The Boring Company: sebuah syarikat infrastruktur dan pembinaan terowong Hyperloop untuk kegunaan kenderaan elektrik kelajuan tinggi.

profil